

06/11/2003

Syor bangunkan semula Iraq melalui `pinjaman' kepada AS

Ali Bukhari Amir

KIRA-KIRA AS\$50 bilion (RM190 bilion) diperlukan untuk membangunkan semula Iraq dalam masa empat tahun. Jumlah ini bukannya sedikit. Memang tepatlah apabila Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata Amerika Syarikat (AS) sudah terlambat.

Ketika menyerang Iraq dulu, mereka tidak pernah terfikir mereka perlu bertanggungjawab membangun kembali segala prasarana Iraq itu. Sudah tentulah hal itu terletak di atas bahu AS sendiri saja.

Tindakan AS kini yang mendesak negara lain untuk bersama-sama memperuntukkan dana bagi pembiayaan pembangunan Iraq adalah sangat memalukan.

Bagaimana mungkin sebuah negara kapitalis yang kaya selama ini boleh pula `mengemis' kepada negara yang jauh lebih rendah keupayaan ekonomi darinya.

Peperangan yang menyebabkan kemusnahan Iraq dan warganya sangat tepat kalau ditinjau melalui al-Qur'an surah An-Naml ayat 34 menyebut "Raja perempuan itu berkata: "Sesungguhnya raja-raja, apabila masuk ke sebuah negeri, mereka merosakkannya dan mereka menjadikan penduduknya yang mulia: hina dina; dan sedemikian itulah mereka akan lakukan".

Jelas, AS bukan saja merosakkan prasarana Iraq, bahkan menghina Saddam dan membunuh anaknya. Jika orang yang paling berkuasa di Iraq boleh diperlakukan sebegitu rupa, apalagi rakyat biasa.

Jika ditinjau dari kaca mata kebenaran dan neraca keadilan, tidak perlu bagi negara lain berkorban menghulurkan bantuan kewangan membantu AS dalam soal ini. Hal ini kerana perang itu tidak mendapat mandat masyarakat sedunia atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Lainlah halnya jika ia mendapat restu semua negara sebelum ini. Namun, hal itu berlaku sebagai suratan takdir.

Dalam persidangan AS dengan negara terbabit, Jepun menimbang menyedia AS\$5 bilion (RM19 bilion), Jerman memberi 200 juta euro (RM896.8 juta), Sepanyol memberikan AS\$300 juta (RM1.14 bilion), manakala Kesatuan Eropah (EU) menawar pakej AS\$700 juta (RM2.66 bilion). Setakat ini, jumlah keseluruhannya lebih kurang RM22 billion saja.

Sebagai penyelesaian masalah ini, penulis berpandangan ada baiknya negara Islam menyertai usaha membangunkan semula Iraq. Walaupun ia tidak adil kerana membantu AS, tambahan pula bukan kita merestui serangan AS ke atas Iraq, ada dua hal utama yang mesti dinilai.

Pertama, membangunkan Iraq adalah tanggungjawab semua negara Islam walaupun kelihatan seperti menolong AS. Ini kerana, masalah pendidikan, ekonomi dan pelbagai aspek lain lebih utama daripada kebencian kepada AS saja.

Kedua, memang menjadi prinsip kehidupan Muslim untuk saling membantu saudara seagama yang tertindas tanpa mengira apa jua ideologi yang dipegang.

Ini memandangkan tanggungjawab sosial termuat dalam sabda Rasulullah: "Perumpamaan orang Mukmin itu adalah seperti sebuah bangunan, mereka akan mengukuhkan di antara satu sama lain" dan dalam sebuah sabda yang lain "Orang Mukmin itu umpama satu binaan jasad, sekiranya salah satu anggota badan menderita kesakitan, maka sekujur tubuh jasad itu dan menderita demam pula"

Dalam hal ini, Iraq tetap perlu diberikan perhatian selain penderitaan rakyat Palestin. Saya berpendapat Malaysia yang telah mendapat tempat

dalam kalangan negara Islam boleh mengorak langkah pertama

Jika Kesatuan Eropah (EU) boleh menawar pakej AS\$700 juta (RM2.66 billion) bagi menjayakan program ini, maka atas sebab apa kita tidak boleh menawar pakej seperti ini. Sedangkan EU bukanlah gabungan negara-negara Islam pun. Malaysia melalui OIC perlu meluluskan pakej seperti ini untuk disalurkan ke bumi Iraq.

Namun, kita mesti lebih berhati-hati dan membuat perjanjian dengan AS yang semakin biadap itu. Kita tidak boleh mengorbankan duit kita secara percuma saja bagi menjaga kepentingan AS.

Untuk berdepan dengan negara kapitalis yang sering menindas negara miskin ini, maka perlu pendekatan kapitalis dan bukannya kemanusiaan lagi. Pakej ini mesti ditawarkan kepada AS atas nama `pinjaman' dan bukannya `sumbangan'. Ini membawa maksud, AS akan terpaksa berhutang kepada semua negara Islam OIC yang bersetuju menyuntik dana permulaan ke dalam program pembangunan semula Iraq.

ALI BUKHARI AMIR,
USM, Pulau Pinang.